

Keberkesanan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ibadah Solat

BITARAVolume 1, Issue 4, 2018: 050-060
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Effectiveness of Multimedia Applications in Teaching and Learning of the Prayers]

Mohd Khairi Shafie¹

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pembelajaran ibadah solat, untuk mengetahui tahap keberkesanan pelaksanaan aplikasi multimedia interaktif dalam pembelajaran ibadah solat, untuk mengetahui persepsi pelajar mengenai perbandingan penggunaan aplikasi multimedia dengan bahan bercetak .dan untuk mengenal pasti perbezaan tahap keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia dalam kalangan pelajar berdasarkan demografi (tempat tinggal). Kajian ini dijalankan ke atas 100 responden yang terdiri daripada jabatan pengajian di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih secara rawak bagi menjawab soal selidik. Data yang diperolehi di analisis menggunakan perisian program Statistical For Social Science (SPSS) versi 20.0 dan dapatan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskripsif dan inferensi untuk menganalisa hipotesis kajian. Hasil kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa aplikasi multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan, aspek tahap pengetahuan pelajar tentang aplikasi multimedia dan tahap keberkesanan aplikasi multimedia berada pada tahap tinggi tetapi perbezaan mengikut jantina terhadap penggunaan aplikasi multimedia menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia berdasarkan jantina. Namun, terdapat sebahagian kecil daripada pelajar menyatakan penggunaan multimedia tidak sesuai dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan aplikasi multimedia terhadap pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim sangat memberangsangkan.

Kata Kunci

aplikasi multimedia, pengajaran dan pembelajaran ibadah solat, keberkesanan.

Abstract

The goal of this research is to identify the level of knowledge of multimedia applications in learning of prayers, to evaluate the effectiveness of interactive multimedia applications in prayers learning, to identify students' expectations of contrasting the use of multimedia applications with printed materials, and to identify differences in the effectiveness of the use of multimedia applications. The research was performed on 100 respondents from the Polytechnic Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Polytechnic who were randomly selected to respond to the questionnaire. The data obtained were analyzed using the Statistical for Social Science (SPSS) program version 20.0 and the findings of the study were represented using descriptive statistical methods and inferences for the analysis of research hypotheses. The results showed that the respondents agreed that multimedia applications in the teaching and learning process produced more successful learning, aspects of students' knowledge of multimedia applications and the level of efficiency of multimedia applications were

¹ Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia.

Corresponding Author:

Mohd Khairi Shafie, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia.
E-mail: khairiqi@gmail.com

strong, but gender differences in the use of multimedia applications showed no substantial difference in the effectiveness of the use of multimedia applications. Nevertheless, a small proportion of students suggested that the use of multimedia during the teaching and learning process is unacceptable. The results of this study, therefore, suggest that the success of multimedia applications for Sultan Abdul Halim's Polytechnic students is very promising.

Keywords

multimedia applications, teaching and learning of prayer, effectiveness.

Cite This Article:

Mohd Khairi Shafie. 2018. Keberkesanan aplikasi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran ibadah solat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 50-60.

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) sebenarnya merupakan pendekatan yang menggunakan komputer untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (Baharuddin et al. 2002). Kewujudan PPBK multimedia adalah sebagai satu alternatif yang dapat mempelbagaikan lagi strategi untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sebagai sesuatu yang menarik dan menyeronokkan. Kemampuan multimedia dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat dan tepat serta mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan (Zamri & Mohamed Amin, 2008).

Menurut Zamri dan Nur Aisyah (2011), strategi pembelajaran yang diterapkan dalam perisian dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran secara dua hala tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru. Ini menunjukkan, dengan bantuan media, pelajar mampu belajar secara aktif, sendiri dan anjal. Melalui strategi pembelajaran aktif, proses pengajaran menggalakkan penglibatan aktif pelajar melalui hubungan dua hala dengan perisian. Hal ini kerana pelajar terlibat secara aktif melalui aktiviti membaca, menyelesaikan masalah dan penaakulan. Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dengan tahap kognitif pelajar dapat memudahkan pembelajaran sendiri berdasarkan keperluan pembelajaran mereka. Selain itu, strategi pembelajaran anjal yang diterapkan membolehkan pelajar meluangkan masa untuk meneroka isi pengajaran mengikut kesesuaian waktu untuk menambah pengetahuan yang mereka kehendaki melalui perisian.

Penggunaan ICT dalam Pendidikan Islam adalah antara elemen penting ke arah pembentukan diri insan mulia. Maka, penggunaan peralatan teknologi pendidikan seperti komputer dan internet oleh pensyarah Pendidikan Islam merupakan salah satu cara yang boleh dipraktikkan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, minat dan tumpuan pelajar dapat ditarik menerusi perancangan penggunaan komputer yang rapi serta sistematik. Adalah menjadi satu tanggungjawab setiap pensyarah Pendidikan Islam untuk menjadikan Pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran yang menarik dan diminati pelajar.

Islam juga amat menggalakkan kajian atau penelitian untuk mencari penemuan-penemuan baru dalam bidang-bidang teknologi serta menggunakannya dalam kehidupan seharian. Islam juga menuntut supaya mengembangkan teknologi sehingga menemui kebesaran dan keagungan

Allah yang tidak dapat ditandingi oleh segala makhluk yang ada di langit dan di bumi. Firman Allah:

“Lakukanlah pengkajian (penelitian dengan menggunakan metode ilmiah)mengenai apa-apa yang ada di langit dan di bumi (Surah Yunus: 101).”

“Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untukkegunaan kamu apa yang ada di langit dan di bumi, dan telah melimpahkan kepada kami nikmat-nikmat-Nya yang zahir dan yang batin? (Surah Luqman: 20)”

Komputer dan multimedia dikatakan dapat menarik minat murid terhadap isi kandungan pengajaran serta dapat mengekalkan pengetahuan ke ingatan jangka panjang (Mayer, 2009).

Di Malaysia, kemajuan dalam bidang teknologi komputer telah menyebabkan kurikulum sekolah disusun semula dan amalan pengajaran pembelajaran disesuaikan serta diperkemaskan lagi dengan mengambil kira keupayaan pelajar yang berbagai.

Rio Sumarni (1999) pula menyatakan, multimedia ialah sebarang kombinasi teks, grafik, audio, animasi, video berserta alat menghubungkan yang membolehkan pengajar dan pelajar bernavigasi, berinteraksi dan berkomunikasi dengan komputer. Oleh itu, perisian multimedia interaktif dalam pendidikan boleh di definisi sebagai hasil daripada bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah diprogramkan menggunakan teknologi komputer dengan menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti teks, grafiks, audio, animasi serta video dan disimpan dalam media storan seperti CD-ROM, pendrive dan external hardisk. Seterusnya, penggunaan teknologi komputer dalam pendidikan diharapkan dapat meningkatkan penguasaan dalam mata pelajaran dan mengatasi kepincangan corak pengajaran tradisional (Abdul Rahim, 2001).

Justeru itu, fungsi komputer dalam Pendidikan Islam juga hampir sama peranannya dalam mata pelajaran yang lain iaitu bahan bantu pengajaran, sumber maklumat, tutor pengganti, penyimpan pelbagai maklumat dan juga sebagai perangsang seperti program simulasi untuk pelajar mempraktikkan sesuatu pelajaran. Jika proses pengintegrasian ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, ia akan dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, meningkatkan keberkesanan pengajaran di samping menarik minat pelajar. Maka, kesediaan guru dalam penggunaan komputer bagi proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu faktor yang dapat membantu bagi menjayakan proses pendidikan yang berasaskan kepada teknologi khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Malahan dengan penguasaan ICT, ianya juga dapat memberikan peluang kepada guru dan pelajar untuk meneroka ilmu mengikut kehendak dan tahap pencapaian masing-masing (Jamaluddin, Muhammad & Abd.Rashid 2000).

Dalam konteks ini, penggunaan bahan-bahan berasaskan multimedia amat sesuai untuk digunakan oleh pensyarah Pendidikan Islam terutamanya bagi menunjukkan cara ibadat seperti haji, wudu' dan solat. Dengan menggunakan teknik ini pelajar dapat melihat dengan jelas fenomena yang dipaparkan oleh computer dengan jelas dan berulang-ulang kali. Begitu juga dengan pengajaran subjek Pendidikan Islam bukan sahaja melibatkan penyampaiaan fakta atau pengetahuan dalam disiplin ilmu tetapi lebih banyak menekankan aspek amalan sebagai penghayatan kepada ilmu yang dipelajari (Hasbullah & Yusni 2003).

Pernyataan Masalah

Penyampaian pengajaran yang semata-mata berlandaskan kepada penggunaan buku teks dan teknik „*chalk and talk*” sememangnya kurang diminati pelajar kerana pengajaran sebegini tidak berpusat kepada pelajar dan penglibatan pelajar adalah pada tahap minimum. Menurut Yusup Hashim (2001), ramai guru masih menggemari amalan tradisi yang berpaksikan *chalk and talk*. Guru-guru juga hanya menggunakan pembelajaran dalam sesetengah pengajaran mereka walaupun tidak sepenuhnya. Namun apa yang menarik ialah mereka tetap mengakui dan bersetuju dengan keberkesanan dan kebaikan pembelajaran kolaboratif dalam membentuk interaksi sosial, sifat kepimpinan pelajar dan pengurusan yang sangat diperlukan pelajar.

Pelajar juga memerlukan rangsangan yang pelbagai untuk memotivasikan mereka selain daripada merujuk kepada buku yang merupakan sumber ilmu tradisional. Kaedah pengajaran tradisional tidak dapat memenuhi keperluan ini kerana ia lebih menumpukan kepada aspek teori yang menyebabkan pelajar bosan dan tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada sesi pembelajaran.

Justeru, bagi memberi idea dan cadangan mengintegrasikan multimedia dan ICT sebagai BBM maka Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan modul bertajuk “Pengintegrasian Kandungan Bahan-bahan Berasaskan ICT Di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam” (2007). Modul ini dihasilkan cetusan daripada kajian (Ab. Halim et al. 2004) yang mendapati aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang paling diminati oleh pelajar adalah dengan penggunaan computer dan tayangan video.

Oleh itu, pembinaan perisian yang berasaskan ciri-ciri multimedia boleh dijadikan alternatif baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan teknologi multimedia melalui penggunaan perisian membolehkan pembelajaran berlaku mengikut kemampuan kognitif, minat dan tahap keupayaan pelajar. Pelajar juga boleh mengenal pasti kelemahan masing-masing dan berpeluang memperbaiki prestasi mereka.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pembelajaran ibadah solat.
2. Untuk mengetahui tahap keberkesanan pelaksanaan aplikasi multimedia interaktif dalam pembelajaran ibadah solat.
3. Untuk mengetahui persepsi pelajar mengenai perbandingan penggunaan aplikasi multimedia dengan bahan bercetak.
4. Untuk mengenal pasti perbezaan tahap keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia dalam kalangan pelajar berdasarkan demografi (jantina).

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap pengetahuan pelajar tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pembelajaran ibadah solat?

2. Bagaimanakah tahap keberkesanan perlaksanaan aplikasi multimedia interaktif dalam pembelajaran ibadah solat?
3. Apakah terdapat perbezaan tahap keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia dalam kalangan pelajar berdasarkan demografi (tempat tinggal)?

Hipotesis Kajian

Hipotesis yang dibentuk di dalam kajian ini ialah:

Hipotesis Nul: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia berdasarkan jantina

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah dengan kaedah tinjauan sebelum memulakan edaran soal selidik kepada responden. Penyelidik hanya meninjau situasi pada satu masa yang sesuai sebelum memulakan edaran soal selidik.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Dalam bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang pelajar responden. Manakala bahagian B pula melibatkan perkara yang berkenaan dengan tahap pengetahuan penggunaan aplikasi multimedia, tahap keberkesanan aplikasi multimedia dan penilaian persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran ibadah solat. Format maklum balas yang digunakan ialah lima mata skala *likert* dengan angka satu menunjukkan sangat tidak setuju, dua sebagai tidak setuju, tiga sebagai tidak pasti, empat sebagai setuju dan lima sebagai sangat setuju.

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan pensampelan rawak mudah bagi mewakili populasi kajian. Seramai 100 pelajar terlibat. Tatacara pengumpulan data dilakukan oleh pengkaji sendiri. Proses menganalisis data menggunakan SPSS bagi Ujian-T, mengenal pasti perbezaan yang wujud antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Dapatan Kajian

Data Demografi Responden

1. Jantina (Lelaki dan Perempuan)

Kajian ini telah melibatkan 100 responden, 50 responden atau 50 peratus adalah lelaki, manakala 50 orang atau 50peratus adalah perempuan. Taburan pelajar lelaki dan perempuan responden kajian ini dapat dijelaskan dalam jadual di 1.

Jadual 1: Data demografi responden berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan (n=381)	Peratusan
Lelaki	50	50
Perempuan	50	50
Jumlah	100	100.0

2. Bidang Pengajian

Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah terdapat 5 jabatan yang menawarkan Diploma. Dalam jadual 2 menunjukkan bidang pengajian responden. Didapati 19 orang bersamaan 19.0 peratus mengikuti pengajian di Jabatan Perdagangan (JP). Seramai 22 orang atau 22.0 peratus daripada Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA). Seramai 18 orang bersamaan 18.0 peratus daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Seramai 18 orang atau 18.0 peratus adalah daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan daripada Jabatan Teknologi Maklumat terdiri daripada 20 orang bersamaan 20.0 peratus.

Jadual 2: Data demografi responden berdasarkan bidang pengajian

Bil	Bidang Pengajian Diploma	Kekerapan	Peratusan
1.	Jabatan Perdagangan (JP)	19	19.0
2.	Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)	22	22.0
3.	Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	18	18.0
4.	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	21	21.0
5.	Jabatan Teknologi Maklumat (JTMK)	20	20.0
	Jumlah	381	100.0

Analisis Deskriptif

1. Tahap Pengetahuan Pelajar

Berdasarkan jadual 3 menunjukkan perbandingan bagi item-item yang terdapat di dalam konstruk tahap pengetahuan pelajar tentang penggunaan aplikasi multimedia. Berdasarkan jadual tersebut item 1 dan 2 menunjukkan bacaan min yang tertinggi iaitu pada kadar 4.24 bersama 79 peratus dan 21 peratus. Bacaan tersebut menunjukkan tahap min item tersebut adalah tinggi yang membuktikan pelajar tahu dan memahami cara menggunakan aplikasi multimedia. Item 3 dan 4 pula mencatatkan bacaan rendah iaitu dengan purata min 2.3 dan 3.97. Dapat disimpulkan di sini, bahawa tahap pengetahuan pelajar POLIMAS tentang penggunaan aplikasi multimedia secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan bacaan min keseluruhan item berada pada tahap tinggi iaitu 3.78.

Jadual 3: Peratusan kekerapan dan min bagi tahap pengetahuan penggunaan aplikasi multimedia

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Saya tahu menggunakan teknologi multimedia sebagai bahan pembelajaran semasa.	-	-	-	79%	21%	4.21
2.	Saya tahu multimedia merupakan bahan bantu mengajar yang kreatif dan menarik saya untuk belajar.	-	-	-	73%	27%	4.27
3.	Saya rasa pembelajaran melalui ICT tidak sesuai dijalankan kerana membuang masa saya.	8%	70%	8%	12%	2%	2.3
4.	Saya mengetahui bagaimana untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang diajar melalui teknologi multimedia.	-	3%	11%	72%	14%	3.97
5.	Saya tahu multimedia memberi kesan yang baik kepada pelajar dalam pembelajaran ibadah solat	-	-	4%	73%	23%	4.19
	Min Keseluruhan						3.788

2. Tahap Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Multimedia

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan perbandingan bagi item-item yang terdapat di dalam konstruk tahap keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia. Berdasarkan jadual tersebut, item 3 dan 4 menunjukkan bacaan min yang tertinggi iaitu pada kadar 4.13. Bacaan tersebut menunjukkan tahap min item tersebut adalah tinggi yang membuktikan aplikasi multimedia dapat memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam subjek ibadah solat. Dapatan kajian berkenaan keberkesanan pelaksanaan aplikasi multimedia responden dalam jadual 4 menunjukkan skor min paling rendah 3.98 manakala skor min paling tinggi ialah 4.13. Dapat disimpulkan di sini, bahawa tahap keberkesanan pelaksanaan aplikasi multimedia dalam ibadah solat pelajar POLIMAS secara keseluruhannya berada pada tahap yang amat memberangsangkan iaitu bacaan min keseluruhan item berada pada tahap tinggi iaitu 4.08.

Jadual 4: Peratusan dan kekerapan keberkesanan pelaksanaan aplikasi multimedia interaktif

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Kaedah multimedia dapat menggantikan peranan guru dalam proses pengajaran.	-	4%	8%	74%	14%	3.98
2.	Pembelajaran kaedah multimedia meningkatkan kefahaman saya dalam Ibadah solat.	-	1%	1%	87%	11%	4.08

3.	Membolehkan saya mendapat maklumat dengan lebih tepat melalui aplikasi Multimedia	-	1%	4%	76%	19%	4.13
4.	Penggunaan Aplikasi multimedia meningkatkan pencapaian saya dalam Pendidikan Islam (Ibadah Solat).	-	-	3%	81%	16%	4.13
5.	Aplikasi ini menggalakkan pelajar untuk belajar dan memberi tumpuan semasa pembelajaran dan pengajaran.	-	-	8%	76%	16%	4.08
Min Keseluruhan							4.08

3. Persepsi Pelajar Mengenai Perbandingan Penggunaan Aplikasi Multimedia dengan Bahan Bercetak

Berdasarkan Jadual 5 item 2 (Proses pembelajaran teknologi interaktif mengambil masa yang lama berbanding bahan bercetak) dalam konstruk keberkesanan aplikasi multimedia dengan bahan bercetak pelajar menunjukkan dengan bacaan sebanyak 8% sangat tidak setuju dan 63% tidak setuju. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item 5 (Penggunaan bahan bercetak menyebabkan saya kurang memberi tumpuan yang sepenuhnya dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) iaitu 3.90 dengan bacaan 88% setuju dan 5% sangat setuju,. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam konstruk ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyatakan keberkesanan lebih cenderung kepada penggunaan aplikasi multimedia dengan penggunaan bahan bercetak.

Jadual 5: Peratusan dan kekerapan bagi keberkesanan aplikasi multimedia dengan bahan bercetak

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Saya lebih suka belajar mengikut kaedah biasa berbanding kaedah berkomputer.	12%	81%	-	7%	-	2.02
2	Proses pembelajaran teknologi interaktif mengambil masa yang lama berbanding bahan bercetak.	8%	63%	5%	17%	7%	2.52
3	Teknologi interaktif ialah kaedah pembelajaran di dalam bilik darjah secara berkesan pada masa kini.	-	-	2%	85%	12%	4.08
4	Menggunakan buku teks semata-mata tanpa menggunakan kaedah multimedia mengurangkan kefahaman saya	-	4%	8%	75%	13%	3.97
5	Penggunaan bahan bercetak menyebabkan saya kurang memberi tumpuan yang sepenuhnya dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).	2%	4%	1%	88%	5%	3.90
Min Keseluruhan							3.29

4. Perbezaan Jantina Pada Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Multimedia

Kajian yang dijalankan turut melihat perbandingan aspek jantina pada penggunaan aplikasi multimedia. Pengkaji cuba menjawab persoalan kajian ini iaitu: Adakah terdapat perbezaan penggunaan aplikasi multimedia berdasarkan jantina.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia berdasarkan jantina

Jadual 6: Ujian – T perbezaan jantina pada keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia

Jantina	Bil	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap Sig. (p)
Lelaki	50	4.14	0.326	1.921	0.058
Perempuan	50	4.02	0.297		

Jadual 6 menunjukkan perbandingan aspek jantina antara lelaki dan perempuan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia. Berdasarkan jadual tersebut. Nilai-t bagi perbandingan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia pelajar lelaki dan perempuan ialah $t = 1.921$ dan tahap signifikan $p = 0.058$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Oleh itu, Ho1 gagal ditolak. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia antara pelajar lelaki dan perempuan.

Skor min tahap keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia pelajar lelaki (min = 4.14) adalah hampir sama dengan pelajar perempuan (min = 4.02). Ini bermakna tahap keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia pelajar lelaki dan perempuan adalah sama.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji dapat membuat rumusan bahawa pengetahuan dan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia dalam kalangan pelajar adalah seperti berikut:

1. Tahap pengetahuan pelajar terhadap aplikasi multimedia adalah tinggi. pelajar mengetahui akan kegunaan dan faedah menggunakan aplikasi multimedia tersebut khususnya dalam subjek ibadah solat, ciri yang ada pada teknologi multimedia sebagai medium pembelajaran yang lebih menarik.
2. Pelajar bersetuju bahawa aplikasi multimedia memberi kesan yang baik kepada mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam khususnya subjek ibadah solat.
3. Sebahagian kecil daripada pelajar menyatakan penggunaan multimedia tidak sesuai dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana komponen tersebut dilihat sebagai membuang masa.

4. Kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia antara pelajar lelaki dan perempuan.

Berdasarkan dapatan tersebut, elemen multimedia sangat penting dalam sesebuah perisian kerana ia dapat meningkatkan minat dan perhatian pengguna. Menurut Nik Mohd Rahimi et al. (2011) penggunaan multimedia dalam pendidikan dapat melayani kehendak pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang kecerdasan, keperluan dan cara belajar serta pelajar boleh menguasai pembelajaran mereka mengikut kaedah pembelajaran yang mereka gemari. Ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Baharuddin (2008) yang mendapati 66.7% responden sangat bersetuju dan 3.3% responden bersetuju bahawa gabungan teks, warna, imej, grafik, animasi dan suara dapat menarik perhatian dan menambah minat pelajar terhadap pelajaran.

Kajian oleh Norsiaty (2008) juga mendapati bahawa perisian multimedia yang dibangunkan telah dapat menambah minat untuk belajar dalam kalangan pelajar di mana 96.6% responden pelajar menyatakan sangat setuju. Demikian juga kajian yang dilakukan oleh Cheng (2008) menunjukkan bahawa pengajaran berasaskan teknologi multimedia mampu meningkatkan pemahaman pelajar dengan persembahan isi pelajaran yang berbantuan teks, gambar dan bunyi.

Menurut dapatan kajian yang diperolehi oleh Yahya dan Dayang Raini (2011), menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi prestasi pemahaman, prestasi penguasaan kefahaman, prestasi morfologi dan prestasi penguasaan sintaksis Antara pencapaian sederhana yang mengikuti pengajaran perisian CD-ROM cerita interaktif dengan kaedah tradisional, iaitu penggunaan perisian CD-ROM cerita interaktif dapat meningkatkan prestasi murid sederhana.

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Wan Noor Hazlina dan Kamaruzaman (2009), yang mengkaji penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Pengajian Islam; Kajian di Kolej Taylor Subang Jaya, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan 92.1% pelajar bersetuju dengan kandungan kursus yang di sampaikan secara interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa aplikasi multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan. Aspek tahap pengetahuan pelajar tentang aplikasi multimedia, tahap keberkesanan aplikasi multimedia berada pada tahap tinggi tetapi perbezaan mengikut jantina bagi terhadap penggunaan aplikasi multimedia menunjukkan Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan penggunaan aplikasi multimedia berdasarkan jantina

Justeru, Penggunaan aplikasi multimedia adalah satu alternatif dalam mengukuhkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam pendidikan Islam khususnya dalam subjek ibadah solat. Kajian ini juga dapat membantu pengajar menilai sejauhmanakah aplikasi multimedia yang digunakan dapat di fahami dan berkesan kepada pelajar yang menggunakannya. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pengajar bagi merancang, menggubal atau melaksanakan sesuatu perubahan yang berhubung dengan pendidikan yang berkembang seiring dengan ledakan teknologi maklumat. Hasil daripada aplikasi multimedia ini juga diharapkan ia

digunakan dengan sebaiknya bagi memahami subjek Pendidikan Islam khususnya dalam aspek ibadah solat

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Rahim Mohd Saad. 2001. Teknologi maklumat dan komunikasi: Keperluan pertimbangan semula program pendidikan tinggi. Kertas kerja Seminar Dinamika Perubahan Pengurusan Menuju Era K. Anjuran Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, Changlun, Kedah, 20-21 September.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Manimegalai Subramaniam. 2002. *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Cheng, I. 2008. Assessing rhythm recognition skill in a multimedia environment. *Educational Technology Journals* 45(3): 73-89.
- Hasbullah Abdul Rahman & Yusni Abd. Rahman. 2003. Kesediaan guru-guru Agama mengguna komputer dalam menjalankan tugas pentadbiran dan pengajaran dalam perkaedahan pengajaran pendidikan: Antara tradisi dan inovasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3) Perkaedahan Pengajaran Pendidikan: Antara Tradisi dan Inovasi*, hlm. 351-364.
- Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin & Abd. Rashid Johar. 2000. *Inovasi dan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Banting: AJM Publishing Enterprise.
- Mayer, R. E. 2009. *Multimedia Learning*. Edisi ke-2. New York: Cambridge University Press.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Baharudin Abd Wahab & Zamri Mahamod. 2011. Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Dlm. Zamri Mahamod, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt.). *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan*, hlm. 349-359. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Shah Mohd Salleh, & Peter Songan. 2008. Perbandingan keberkesanan teknologi multimedia dan bahan bercetak untuk pembelajaran matematik oleh pelajar sekolah menengah. <http://kajianberasaskansekolah.files.wordpress.com/2008/02/komputer1.pdf.html> [31 Mac 2008].
- Norsiat Mohd Ghazali. 2008. Pembangunan dan penilaian kursus pengajaran dan pembelajaran multimedia interaktif "analisa kualitatif garam" dalam subjek kimia. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rio Sumarni. 1999. Pembinaan perisian P.b.k. multimedia dalam satu tajuk kecil m.pelajaran fizik SPM pengenalan kepada sistem komputer digital. Latihan Ilmiah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Noor Hazlina Wan Jusoh & Kamaruzaman Jusoff. 2009. Using multimedia in teaching Islamic Studies. *Journal Media and Communications Studies* 1(5): 86-94.
- Yahaya Othman & Dayang Raini Pakar. 2011. Kesan aplikasi perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan murid tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 27-49.
- Yusup Hashim. 2001. *Reka Bentuk dan Sistem Intruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2008. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor. 2011. Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera bahasa melayu. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* 11(3): 163-177.